



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN
APAD DIARAHKAN BUKA KERTAS SIASATAN TERHADAP MAHB SUSULAN GANGGUAN
PERKHIDMATAN AEROTRAIN**

Saya telah mengarahkan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) untuk membuka kertas siasatan terhadap Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) selaku pengendali perkhidmatan Aerotrain.

Pada peringkat awal operasi Aerotrain, Kementerian telah mengambil maklum bahawa MAHB memerlukan masa bagi menyesuaikan diri memandangkan perkhidmatan tersebut berada dalam fasa penyesuaian awal.

Namun begitu, memandangkan perkhidmatan Aerotrain telah beroperasi selama beberapa bulan, Kementerian melalui APAD akan mengambil tindakan tegas terhadap MAHB bagi setiap insiden gangguan perkhidmatan yang berlaku.

Lesen pengendali yang dikeluarkan kepada MAHB menetapkan bahawa syarikat tersebut wajib memastikan tahap perkhidmatan Aerotrain yang memuaskan kepada pengguna.

Di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, pelanggaran syarat lesen pengendali boleh dikenakan kompaun sehingga RM250,000 bagi setiap kesalahan.

**YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

28 OKTOBER 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT, KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

E-mel sua@mot.gov.my / unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

